

**GARISPANDUAN MENGENAI PENUKARAN KEGUNAAN SESEBUAH
BANGUNAN PREMIS KEPADA TEMPAT PENJUALAN KENDERAAN
TERPAKAI (DILULUSKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG
PADA 12 MAC 1992)**

1.0 Definasi

- i) “Kenderaan Terpakai” adalah termasuk semua jenis kenderaan bermotor seperti kereta, motosikal, traktor, lori, van, bas dan kenderaan-kenderaan berat.
- ii) “Suatu tempat untuk menjual kenderaan terpakai” bererti sebuah bangunan atau premis untuk menempatkan, menyimpan, meletak dan memperniagakan kereta-kereta terpakai untuk keuntungan kewangan.

2.0 Undang-undang

Undang-undang yang digunakan ialah:

- (i) Akta Kerajaan Tempatan;
- (ii) Akta Jalan Parit Bangunan 1974;
- (iii) Akta Perancangan Bandar & Desa 1976;
- (iv) Undang-Undang Kecil Gerej 1952;
- (v) Dangerous Unhealthy Or Offensive Trades And Garages By-Low 1962.

3.0 Kriteria

Dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk penukaran penggunaan sesebuah bangunan/premis kepada tempat-tempat menjual kenderaan terpakai, kriteria yang seperti berikut hendaklah diambilkira:-

- i) Bangunan/Premis untuk menjual kereta-kereta terpakai mestilah mematuhi dengan “Undang-undang Kecil Gerej 1949”;
- ii) Perletakan kenderaan terpakai di atas laluan awam, jalan susur, kaki-kaki lima, bahu-bahu jalan, lorong-lorong belakang, kawasan lapang awam serta kawasan-kawasan awam lain secara amnya tidak akan dibenarkan;
- iii) Penjualan kenderaan terpakai di rumah-rumah teres dan di kawasan perumahan yang telah wujud (‘established housing areas’ seperti Bayan Baru) tidak akan dibenarkan;
- iv) Penjualan kenderaan terpakai di kawasan-kawasan perniagaan ataupun di kawasan-kawasan yang sedang dimajukan. (seperti di Jalan Jelutong) boleh dipertimbangkan;
- v) Muka bahagian hadapan (facade) bangunan termasuk pagar di kawasan kediaman yang terlibat dengan tukarguna tidak boleh dipinda dan sebarang ubahsuai bangunan tidak dibenarkan;

- vi) Kelulusan berhubung dengan penukaran penggunaan akan hanya sah untuk tempoh setahun (mengikut tahun kalendar). Permohonan untuk perlanjutan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan sebelum ianya luput pada akhir tempoh tersebut, ataupun sekiranya premis terlibat tidak lagi digunakan untuk perniagaan kereta terpakai, maka Majlis berhak mewajibkan bangunan tersebut dikembalikan semula kepada tujuan kegunaan yang asal;
- vii) Kelulusan mestilah diperolehi daripada Jabatan Bomba;
- viii) Servis, membaiki serta kerja cat-mengecat adalah dilarang;
- ix) Jenis kenderaan yang boleh dibenarkan untuk dipamirkan dan dijual bergantung kepada kesesuaian tapak dan jenis kenderaan yang dibenarkan hendaklah dijadikan satu syarat kelulusan;
- x) Papan-papan tanda hendaklah melebihi 2 kaki x 3 kaki dan satu permohonan yang sempurna hendaklah dibuat kepada Jabatan Bangunan. Papan-papan tanda hendaklah dipasangkan di bangunan itu sendiri atau pagarnya, tetapi ianya tidak dibenarkan terdiri dengan bebas dan hendaklah dalam kawasan sendiri;
- xi) Kawasan-kawasan sepanjang laluan-laluan protokol (Protocol Routes), kawasan-kawasan terpelihara, kawasan-kawasan besejarah, atau kawasan-kawasan yang mempunyai nilai dari segi alam semulajadi tidak akan dibenarkan untuk tujuan menjual kereta-kereta terpakai;
- xii) Aktiviti berkenaan hendaklah jangan menimbulkan kesesakan dari segi lalulintas atau membahayakan pengguna-pengguna jalanraya;
- xiii) Aktiviti berkenaan hendaklah jangan menimbulkan sebarang kacau ganggu kepada penduduk-penduduk di sekitarnya.

4.0 Kawasan-Kawasan Yang Dibenarkan Dan Yang Tidak Dibenarkan Sebagai Tempat Kenderaan Terpakai

- i) Senarai ini tidak meliputi semua jalan dan mestilah dibaca bersama-sama dengan kriteria yang ditetapkan dalam perenggan 3.0 di atas;
- ii) Untuk mengelakkan sebarang kesangsian dan bagi tujuan garis panduan ini, kawasan-kawasan yang boleh dibenarkan atau tidak boleh dibenarkan untuk menjual kereta-kereta terpakai ditetapkan dan ditunjukkan dalam jadual berikut:

Lokasi (Jalan)	
<p>Jalan Tun Dr. Awang Dan Jalan Sultan Azlan Shah (Dari Lapangan Terbang Ke Lilitan Jalan Tun Dr Awang/Jalan Sultan Azlan Shah)</p>	<p>Tidak Diperlukan Kecuali Rumah-Rumah Kampung Dengan Halaman Yang Mencukupi, Tanah Lapang Dan Kawasan-Kawasan Yang Dibenarkan Untuk Penggunaan Perdagangan.</p>
<p>Jalan Sultan Azlan Shah (Dari Lilitan Jalan Tun Dr. Awang/Jalan Sultan Azlan Shah Ke Persimpangan Jalan Masjid Negeri/Jalan Sultan Azlan Shah)</p>	<p>-Sediada-</p>
<p>Jalan Tanjong Tokong (Dari Lilitan Jalan Tanjong Tokong Ke Rumahpangsa UDA)</p> <p>Jalan Sungai Pinang Jalan P.Ramlee Jalan Larut Jalan Terengganu Jalan Jelutong Jalan Anson Jalan Petani Jalan Perak (Dari Simpang Jalan Logan Ke Jelutong)</p>	<p>-Boleh Dibenarkan-</p>
<p>Jalan Mesjid Negeri Jalan Scotland Jalan Utama Jalan Residensi Lebuhraya Peel Jalan Pangkor Pesiaran Gurney Jalan Sultan Ahmad Shah Jalan Hamilton Jalan Gottlieb</p> <p>Jalan Bagan Jemal Jalan Kelawai Jalan Tun Dr. Awang Dan Jalan Sultan Azlan Shah</p>	<p>-Tidak Dibenarkan-</p> <p>Dimana-Jalan-Jalan Yang Di "Classified" Tidak Dibenarkan Hanya Stesyen Minyak Dikecualikan</p>

DILULUSKAN OLEH MAJLIS PADA 25.06.1992